

LAMPIRAN A**SOAL SELIDIK**

Pelajar-pelajar sekalian,

Soal selidik ini bukanlah satu ujian. Oleh yang demikian tidak ada jawapan yang betul atau salah. Tujuannya adalah semata-mata untuk mendapatkan maklumat mengenai hubungan antara Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dengan pencapaian pelajar dalam PMR.

2. Sila berikan jawapan yang ikhlas dan jujur berdasarkan kefahaman dan pengalaman pelajar.
3. Segala maklumat yang pelajar berikan adalah rahsia dan hanya untuk kegunaan kajian ini sahaja.
4. Atas kerjasama dan keperihatinan yang pelajar berikan saya ucapkan jutaan terima kasih.

Normah Yamin. (PGA 97174)
Jabatan Pendidikan Sains Sosial,
Fakulti Pendidikan ,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.
1 September 1999

SOAL SELIDIK

Hubungan antara Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dengan pencapaian pelajar dalam PMR.

Bahagian A.

Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan ataupun tuliskan pada ruang kosong jawapan yang sesuai.

2. Gred markah Pendidikan Islam dalam PMR yang lalu.

Jawapan :

- 3 Di manakah anda tinggal semasa anda mengambil PMR yang lalu.

- () Asrama sekolah.
() Di rumah.

- 4 Apakah jurusan aliran anda sekarang.

- () Sastera.
() Sains.
() Teknik.

- 5 Apakah pekerjaan bapa / penjaga anda.

Jawapan :

Bahagian B.

Tandakan pilihan anda dengan membulatkan nombor yang disediakan berdasarkan petunjuk berikut.

1. Sangat tidak setuju.
2. Tidak setuju.
3. Tidak pasti
4. Setuju.
5. Sangat setuju.

1. Saya suka belajar Pendidikan Islam.	1	2	3	4	5
2. Saya menyediakan jadual waktu belajar untuk mata pelajaran Pendidikan Islam di rumah.	1	2	3	4	5
3. Mata pelajaran Pendidikan Islam mudah dipelajari.	1	2	3	4	5
4. Tidak perlu menghadiri kelas tuisyen untuk mata pelajaran Pendidikan Islam.	1	2	3	4	5
5. Mempelajari Pendidikan Islam adalah sangat penting bagi saya.	1	2	3	4	5
6. Pengetahuan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sangat berguna dalam kehidupan seharian	1	2	3	4	5
7. Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) adalah penting.	1	2	3	4	5
8. Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara - perkara asas dalam Pendidikan Islam	1	2	3	4	5
9. Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dapat membantu saya mendapatkan gred yang baik dalam PMR.	1	2	3	4	5
10. Saya dapat memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA dalam kehidupan saya.	1	2	3	4	5
11. Perbincangan dengan rakan selalu diadakan	1	2	3	4	5
12. Pengajaran guru Pendidikan Islam mudah	1	2	3	4	5

diikuti.

13. Teknik dan kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam membantu saya menjawab dalam PAFA.	1	2	3	4	5
14. Sekiranya terdapat masalah berkaitan, saya selalu bertanya guru.	1	2	3	4	5
15. Amalan ibadat sehari-hari dapat membantu saya menjawab ujian PAFA dengan baik.	1	2	3	4	5
16. Guru selalu memberi maklum balas tentang kemajuan prestasi saya.	1	2	3	4	5
17. Guru Pendidikan Islam sedia memberi bimbingan kepada saya.	1	2	3	4	5
18. Pengajaran guru Pendidikan Islam saya menarik. 5	1	2	3	4	4
19. Guru Pendidikan Islam saya mempunyai pelbagai teknik pengajaran dan pembejaran yang berkesan.	1	2	3	4	5
20. Guru Pendidikan Islam saya mempunyai ilmu yang mantap tentang Islam.	1	2	3	4	5
21. Ujian PAFA mengingatkan saya tentang ibadat seorang muslim.	1	2	3	4	5
22. Guru Pendidikan Islam sentiasa tabah dengan situasi murid-muridnya.	1	2	3	4	5
23. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam membantu saya menjawab Ujian PAFA.	1	2	3	4	5
24. Ujian PAFA dapat mendisiplinkan dan membentuk akhlak saya.	1	2	3	4	5
25. Saya sentiasa menyiapkan latihan mata pelajaran Pendidikan Islam.	1	2	3	4	5
26. Saya selalu membaca bahan bacaan tambahan	1	2	3	4	5

berkaitan dengan Ujian PAFA saya.

	1	2	3	4	5
27. Ibu bapa membantu saya dalam Ujian PAFA dan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.					
28. Ibu bapa memberikan galakan dan nasihat dalam pendidikan agama saya.	1	2	3	4	5
29. Tempoh masa Ujian PAFA adalah sesuai	1	2	3	4	5
30. Saya kekurangan masa untuk mempelajari Pendidikan Islam di rumah.	1	2	3	4	5
31. Ibu bapa saya menghantar saya ke kelas Fardu Ain.	1	2	3	4	5
32. Kelas Fardu Ain juga membantu saya menjalani Ujian PAFA.	1	2	3	4	5
33. Guru Pendidikan Islam saya adalah seorang pembimbing yang baik.	1	2	3	4	5
34. Latihan Praktikal dan Amali amat perlu dalam Pendidikan Islam dan PAFA.	1	2	3	4	5
35. Jumlah masa untuk Latihan dan amali perlu ditambah.	1	2	3	4	5

KAD INDIVIDU PAFA-UJIAN TILAWAH DAN HAFAZAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR) LA

LAMP IRANB

A:
KAD PENGENALAN:
AKA GILIRAN:
OLAH:

<i>L</i>	: <i>Lisan</i>
<i>LA</i>	: <i>Lisan & Amali</i>
<i>A</i>	: <i>Amali</i>
<i>A/L</i>	: <i>Amali atau Lisan</i>
[]	: <i>Lulus</i>

JUMLAH TILAWAH DAN HAFAZAN						JUMLAH MARKAH		
Tilawah	Hafazan	Tajwid	<input type="text"/>	Tartil & Fasahah	<input type="text"/>	Adab	<input type="text"/>	<input type="text"/>
		Hafaz & Lancar	<input type="text"/>	Fasih	<input type="text"/>	Adab	<input type="text"/>	<input type="text"/>
JUMLAH BESAR							<input type="text"/>	

<i>ahun</i>	<i>Tingkat</i>	<i>Penggal</i>	<i>Tandatangan Penilai</i>	<i>Tandatangan Guru Besar</i>	<i>Tandatangan Ibu bapa / Penjaga</i>
	<i>1</i>	<i>1</i>			
		<i>2</i>			
	<i>2</i>	<i>1</i>			
		<i>2</i>			
	<i>3</i>	<i>1</i>			
		<i>2</i>			

PENERANGAN KOD

L1.1	Sebutkan Dua Kalimah Syahadah dengan sempurna	
L1.2	Nyatakan erti Dua Kalimah Syahadah	
L2.1	Sebutkan Rukun Islam satu persatu	
L2.2	Huraikan Rukun Islam	<ul style="list-style-type: none"> a: Mengucap Dua Kalimah Syahadah b: Solat Lima Waktu c: Mengeluarkan zakat d: Berpuasa bulan Ramadan e: Menunaikan Haji bagi yang berkuasa
L2.3	Terangkan kepentingan Rukun Islam bagi setiap muslim	
L3.1	Sebutkan Rukun Iman satu persatu	
L3.2	Bagaimana anda beriman kepada Allah	
L3.3	Bagaimana anda beriman kepada Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Qiamat dan Qada dan Qadar	
L3.4	Apakah perkara-perkara yang boleh membawa kepada kerosakan iman?	
L4.1	Terangkan cara beristinjak menggunakan batu	
L4.2	Terangkan cara beristinjak menggunakan air	
LA5.1	Terangkan dan tunjukkan cara membersihkan najis Mukhaffafah	
LA5.2	Terangkan dan tunjukkan cara membersihkan najis Mutawassitah	
LA5.3	Terangkan dan tunjukkan cara membersihkan najis Mughallazah	
A6.1	Terangkan cara berwuduk dengan sempurna	
A7.1	Tunjukkan cara bertayammum dengan betul dan sempurna	
L8.1	Nyatakan sebab-sebab yang mewajibkan mandi	
L8.2	Terangkan cara mandi wajib dengan sempurna	
A/L9.1	(Calon lelaki) Anda dikehendaki melaksanakan Azan dengan betul dan sempurna (Calon Perempuan) Anda dikehendaki menerangkan cara melaksanakan Azan dengan betul	
A9.2	Dengar Azan dan jawab dengan betul dan sempurna	
A9.3	Anda dikehendaki memperdengarkan Iqamah dengan betul dan sempurna	
A9.4	Dengar Iqamah dan jawab dengan betul dan sempurna	
A9.5	Anda dikehendaki membaca doa selepas Azan dan Iqamah dengan sempurna	
L10.1	L10.1.1 Niat-niat sembahyang lima waktu L10.1.2 Bacaan Doa Iftitah L10.1.3 Bacaan Surah Al Fatihah dan dua surah pendek (Pilihan sendiri) L10.1.4 Bacaan Tasbih Rukuk, Iktidal, Sujud dan Duduk Antara Dua Sujud L10.1.5 Bacaan Tahiyat Awal, Tahiyat Akhir dan Salam L10.1.6 Bacaan Doa Qunut	
A10.2	Anda dikehendaki melakukan cara solat dengan betul dan sempurna	
L11.1	Bagaimana kedudukan jenazah lelaki dan perempuan ketika belum dilakukan	
L11.2	Dimana kedudukan imam dan makmum ketika hendak menunaikan solat jenazah lelaki dan perempuan	
L11	L11.3.1 Bacaan selepas takbir pertama dalam solat jenazah L11.3.2 Bacaan selepas takbir kedua dalam solat jenazah L11.3.3 Bacaan selepas takbir ketiga dalam solat jenazah L11.3.4 Bacaan selepas takbir keempat dalam solat jenazah L11.3.5 Tunjukkan cara solat jenazah dengan betul dan sempurna	
L12.1	Sebutkan lafadz niat puasa Ramadhan dan nyatakan ertiinya	
L12.2	Sebutkan perkara yang membatalkan puasa	
L12.3	Nyatakan hikmat puasa	
L13.1	Terangkan jasa dan pengorbanan ibubapa yang mestilah dikenang oleh anak	
L13.2	Apakah perasaan mulia yang mestilah ada pada seorang anak terhadap ibubapa	
L13.3	Bagaimana cara menghormati ibubapa	
L13.4	Bagaimana cara mentaati ibubapa	
L13.5	Bagaimana cara berbakti kepada ibubapa?	
L13.6	Sila bacakan doa terhadap ibubapa	
L13.7	Nyatakan akibat derhaka kepada ibubapa	
L15.1	Apakah yang dimaksudkan dengan ihsan	
L15.2	Sebutkan sifat utama dalam ihsan	
L15.3	Apakah kebaikan yang diperolehi oleh orang yang berbuat ihsan	
L15.4	Apakah konsep Ihsan	
L15.5	Nyatakan maksud Ihsan	

BUKU KOD**BAHAGIAN A**

1. Bagi variabel gred pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR, penyelidik telah mengkodkan pencapaian tersebut kepada empat kumpulan seperti di bawah :
 1. Gred A dan B
 2. Gred C
 3. Gred D
 4. Gred E dan F

2. Bagi variabel pekerjaan bapa atau penjaga terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu:
 1. Kerajaan
 2. Swasta
 3. Sendiri

BAHAGIAN B

Bagi variabel persepsi pelajar terhadap PAFA, penyelidik telah mengkodkan semula persepsi tersebut kepada tiga skala sahaja iaitu :

1. Tidak setuju (gabungan sangat tidak setuju dan tidak setuju)
2. Tidak Pasti
3. Setuju (gabungan setuju dan sangat setuju)



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
 PARAS 2,3 & 5, BLOK J
 PUSAT BANDAR DAMANSARA.
 50604 KUALA LUMPUR.

Telefon : 03-2583204
 Faks : 03-2554960

Ruj. Kami : KP(BPPDP) 13/15 Jld.50(824)
 Tarikh : 16 Sept 1999

Pn. Normah bt. Yamin,
 No.17, Taman Seri Idaman,
 36000 Teluk Intan,
 PERAK.

Puan,

Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab
 Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah
 Kementerian Pendidikan Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa
 permohonan puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

**“Hubungkaitan Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain
 Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Penialian
 Menengah Rendah”**

telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam
 cadangan penyelidikan yang tuan kemukakan ke Bahagian ini.
Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi
 daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan negeri yang
 berkenaan. Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan kajian
 puan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan puan selanjutnya. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

Amir bin Mohd Salleh

(DR. AMIR BIN MOHD SALLEH)

b.p. Pengarah,
 Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
 Kementerian Pendidikan Malaysia.

sk.

**Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak.**

**Ketua,
Jabatan Pendidikan Sains Sosial,
Fakulti Pendidikan,
UM.**



JABATAN PENDIDIKAN PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
30640 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

LAMP IRAN E

Telefon : 05-5274355
Fax : 05-5277273

J.Pen.Pk.Pend.S4757/
Jld.13(75)

7 Oktober 1999

Normah binti Yatim,
No.17 Taman Seri Idaman,
Jalan Padang Tembak,
36000 Teluk Intan,
Perak.

Tuan,

Memohon Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian

Saya diarah merujuk surat permohonan tuan bertarikh 30 September 1999 yang ada kaitannya dengan surat Kementerian Pendidikan Malaysia, KP(BPPDP) 13/15 Jld.50 (824) bertarikh 16 September 1999 tentang perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran adalah diberi untuk tuan menjalankan kajian dan soal selidik yang bertajuk: **Hubungkaitan Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Penilaian Menengah Rendah**, di SMK Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan, Perak.

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(ROZALI BIN NARIH)
Penyelia Unit Perhubungan, Pendaftaran
dan Pendidikan Swasta,
Sektor Pengurusan Sekolah,
b.p. Pengarah Pendidikan,
Perak.

s.k.: Pengarah Pendidikan Perak